

12 JUN 2002
Mahathir-Majlis/I
DR MAHATHIR DIBERI SAMBUTAN NEGARA DI LUXEMBOURG

Oleh: Mohd Fisol Jaafar

LUXEMBOURG, 12 Jun (Bernama) - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini diberi sambutan negara sempena lawatan dua hari beliau ke Luxembourg, lawatan ulung oleh seorang Perdana Menteri Malaysia.

Dr Mahathir yang diiringi oleh isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali tiba di sini, malam tadi dari Geneva, di mana beliau menamatkan lawatan rasmi tiga hari ke Switzerland.

Majlis sambutan rasmi diadakan di Clairefontaine Square dalam keadaan cuaca pagi yang terang dan dingin di bandaraya Luxembourg ini. Menunggu untuk menyambut beliau ialah rakan sejawatannya di Luxembourg, Jean Claude Juncker.

Selepas memeriksa barisan kehormat tentera, kedua-dua pemimpin diperkenalkan kepada delegasi masing-masing.

Turut mengiringi Perdana Menteri ialah Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz dan Gabenor Bank Negara Malaysia Tan Sri Zeti Akhtar Aziz.

Delegasi perniagaan Malaysia diketuai oleh pengerusi Kumpulan Perbankan Arab-Malaysian, Tan Sri Azman Hashim.

Tidak jauh daripada Clairefontaine Square ialah bahagian lama bandaraya Luxembourg, dan Dr Mahathir berjalan kaki selama tiga minit ke Istana Besar Ducal di mana beliau mengadap Grand Duke Henri daripada diraja Luxembourg.

Perdana Menteri kemudian singgah di Parlimen Luxembourg tidak jauh dari situ dan disambut oleh Presiden Parlimen Jean Spautz yang kemudian diperkenalkannya kepada anggota-anggota Jawatankuasa Hal Ehwal Luar dan Eropah Luxembourg bagi Pertahanan.

Tengah hari ini, Dr Mahathir dijadual menghadiri majlis makan tengah hari yang dianjurkan oleh Menteri Ekonomi dan Pengangkutan Henri Grethen dan kemudian akan menyampaikan ucapan dalam pertemuan bersama masyarakat perniagaan di Luxembourg.

Lewat tengah hari ini, beliau akan mengadakan pertemuan dengan Juncker sebelum kedua-dua pemimpin menyertai mesyuarat delegasi di Istana Senningen.

Selepas melawat Muzium Sejarah Bandaraya Luxembourg, Dr Mahathir akan menghadiri majlis makan malam rasmi yang dianjurkan oleh Juncker di Istana Senningen.

Berada di tengah-tengah Eropah, 'Grand Duchy of Luxembourg' merupakan satu entiti yang sejak berkurun-kurun dapat mengekalkan keunikannya.

Penduduknya seramai 44,000 orang dengan semangat usahawan yang tinggi telah membangunkan negara pertanian mundur itu kepada sebuah ekonomi moden sejak 150 tahun lepas.

Luxembourg ialah sebuah negara perindustrian yang makmur dengan sektor besi-keluli, kewangan dan teknologi yang dinamik.

Kerajaannya terdiri daripada satu Majlis Menteri 12-anggota yang diketuai oleh Perdana Menteri dan satu Majlis Negara 21-anggota yang dilantik oleh Grand Duke, yang akan menasihatkan beliau mengenai undang-undang yang dicadangkan.

-- BERNAMA
MFJ AZZ PR